JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020

# Siri Jelajah Parlimen dan DUN: Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK 2021 Negeri Sarawak









**KUCHING, 18 OGOS 2022** – Siri Jelajah Parlimen dan DUN: Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK 2021, Negeri Sarawak anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak dengan kerjasama Dewan Undangan Negeri telah diadakan di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK). Siri jelajah ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia Bin Awang Nasar.

Program ini diadakan bertujuan untuk berkongsi hasil dapatan Banci Malaysia 2020 serta Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sarawak 2021.



@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind

# PEMBENTANGAN




Pembentangan dapatan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK Negeri Sarawak, 2021 telah dibentangkan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

# JEMPUTAN & SIARAN MEDIA





Debak

Penduduk lelaki di Sarawak lebih ramai berbanding wanita

KUCHING: Jumlah penduduk lelaki di Sarawak kini melebihi penduduk wanita, dengan nisbah 107 lelaki bagi setiap 100 wanita.

Perkembangan itu diperoleh hasil bancian bagi tempoh 2011 sehingga 2020 yang dijalankan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Sarawak.

Ketua Perangkawan Negara ...





Seramai 225 jemputan hadir terdiri daripada ADUN, Jabatan dan Agensi Persekutuan serta Kerajaan Negeri, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK), wakil Pejabat Daerah dan Residen, PBT serta IPTA dan IPTS.

Sementara itu, lebih 10 siaran media sama ada media cetak, media elektronik mahu pun media sosial telah membuat liputan berkenaan Siri Jelajah Parlimen dan DUN ini antaranya Sarawak Voice, TVS, Utusan Borneo, Berita Harian, Dayak Daily dan Buletin TV3.



@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind

# 154 PENERBITAN







Sebanyak 154 penerbitan diperingkat Daerah, Parlimen dan DUN Negeri Sarawak telah dipamerkan pada Siri Jelajah Parlimen dan DUN: Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK 2021, Negeri Sarawak










@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind

# PETIKAN UCAPAN

## Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia Bin Awang Nasar



*"If a man puts his head in the oven and his feet in the refrigerator, on average he should feel comfortable. When you open the oven, his head is burnt.*

*When you open the refrigerator, the feet are frozen but statistically the man is healthy, he feels comfortable. That is why you have to handle statistics with care. The statistics by itself may not convey the meaning that you want"*

Ucapan YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar
Speaker Dewan Undangan Negeri Negeri Sarawak sempena
Siri Jelajah Parlimen dan DUN: Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 &
KDNK Negeri Sarawak 2021

*"Victory goes to the side that knows when to fight, and when not to fight. There are armies not to be attacked, there are roadways not to be travelled, there are walled cities not to be assaulted."*

**Seorang askar British bernama Freddie Spencer Chapman telah menulis sebuah buku bernama "The Jungle is Neutral", menurutnya apabila berperang dengan Jepun siapa yang pandai menggunakan hutan dia akan menang, siapa yang tidak pandai menggunakan hutan dia akan kalah.**





@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind

# SESI KUNJUNGAN HORMAT

Pada sebelah petang Jabatan Perangkaan yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin telah mengadakan sesi kunjungan hormat kepada Timbalan Premier Sarawak, dan juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato Sri Dr. Sim Kui Hian.





Semasa sesi kunjungan hormat ini, Dato' Sri Ketua Perangkawan telah menyerahkan buku Statistik Subnasional DUN N14 Batu Kawah kepada Dato Sri Dr. Sim Kui Hian.

# SEKALUNG PENGHARGAAN

## Kepada Semua Yang Terlibat Dalam Menjayakan Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020





@STATSMalaysia
#MyStatsDay
#LeaveNoOneBehind